

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN : 331**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan kematian warga  
Palestin, Dr Fadi yang terbunuh pada April 2018 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan laporan polis Setapak/006192/18 di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Dalam kejadian pada 21 April 2018 jam 5.57 pagi, si mati Fadi M.R Albatsh seorang warga Palestin berusia 34 tahun, semasa sedang berjalan kaki untuk ke masjid telah ditembak oleh 2 orang lelaki yang menaiki sebuah motosikal di hadapan Kondominium Idaman Puteri, Jalan Meranti , Setapak, Kuala Lumpur.

Siasatan masih diteruskan untuk mengenalpasti identiti sebenar saspek yang bertanggungjawab melalui maklumat forensik yang dijumpai di tempat kejadian seperti kelongsong peluru dan kesan cap jari. Pihak polis juga telah mengeluarkan lakaran wajah (fotofit) saspek berdasarkan keterangan yang diperolehi daripada saksi-saksi yang berada di tempat kejadian. Bantuan NCB/ INTERPOL turut dipohon bagi mengesan saspek jika ada cubaan saspek melarikan diri keluar negara atau berada di negara-negara tertentu. Sehingga kini pihak PDRM masih belum menerima sebarang maklumat dan pertunjuk baru berkaitan kes ini.